

**KAJIAN AWAL TENTANG PERLAKSANAAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN
DALAM KALANGAN MAHASISWA PENGAJIAN ISLAM DI KOLEJ UNIVERSITI
ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)
PRELEMINARY STUDIES ON THE IMPLEMENTATION OF ONLINE LEARNING
AMONG ISLAMIC STUDIES STUDENTS AT INTERNATIONAL ISLAMIC
UNIVERSITY COLLEGE OF SELANGOR (KUIS)**Mohd Noor Hussin¹, Rosni Wazir² & Kamal Azmi Abd. Rahman^{3*}¹ Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mdnoor@kuis.edu.my² Pensyarah Kanan, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. rosni@kuis.edu.my³ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). kamalazmi@usim.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 04 April 2021

Selepas Pembetulan: 09 Mei 2021

Diterima untuk terbit: 25 Mei 2021

Abstrak

Pandemik COVID-19 telah mencipta kehidupan baru atau pun *the new normal* yang mana teknologi dan internet bukan lagi pilihan tetapi keperluan. Dalam bidang pendidikan, terutamanya di peringkat pengajian tinggi, hampir semua hal yang berkaitan dengan pengajaran dan pengurusan kelas dilakukan secara atas talian sepenuhnya. Walaupun pembelajaran atas talian mempunyai pelbagai kelebihan, kaedah pembelajaran ini merupakan sesuatu yang baru bagi program Pengajian Islam di kebanyakan institusi pengajian tinggi. Oleh itu, kajian awal ini dijalankan terhadap mahasiswa Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) tentang pelaksanaan pembelajaran atas talian. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang akan meninjau pandangan responden dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak dan responden adalah terdiri daripada 191 orang mahasiswa yang mengikuti program Pengajian Islam di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Data yang dikumpul dianalisis dan akan diberikan interpretasi mengikut nilai min. Kajian mendapati bahawa mahasiswa Pengajian Islam di KUIS berpandangan bahawa pelaksanaan kaedah pembelajaran atas talian adalah sederhana dengan skor min 2.83 (sp=1.142). Oleh itu, terdapat ruang yang boleh ditambah baik agar pembelajaran atas talian dapat berjalan dengan efisien di masa hadapan.

Kata kunci

Pembelajaran atas talian, mahasiswa, Pengajian Islam, KUIS, COVID-19

Abstract

The COVID-19 pandemic has created a new life or even the new normal whereby the technology and internet are no longer an option but a necessity. In the field of education, especially at the tertiary level, almost all matters related to teaching and classroom management are done entirely online. Although online learning has many advantages, this method of learning is something new for Islamic Studies programs in most institutions of higher learning. Therefore, this preliminary

study was conducted on Islamic Studies students at the Selangor International Islamic University College (KUIS) on the implementation of online learning. This study is a quantitative study that will survey the views of respondents by using a questionnaire instrument. The study used random sampling method and the respondents consisted of 191 students from the Islamic Studies program at Faculty of Islamic Civilization Studies, Selangor International Islamic University College (KUIS). The collected data are analyzed and will be given interpretation according to the mean. The study found that the Islamic Studies students at KUIS are of the view that the implementation of online learning methods is moderate with a mean score of 2.83 ($sp = 1.142$). Therefore, there are room for improvement so that online learning can run efficiently in the future.

Keywords

Online learning, students, Islamic Studies, COVID-19

1. Pengenalan

Kehidupan masyarakat abad ke-21 telah berubah disebabkan oleh perkembangan pesat teknologi multimedia dan internet. Tambahan lagi, pandemik COVID-19 telah mencipta kehidupan baru atau pun *the new normal* yang mana teknologi dan internet bukan lagi menjadi pilihan tetapi keperluan. Dalam bidang pendidikan, terutamanya di peringkat pengajian tinggi, hampir semua hal yang berkaitan dengan kelas dan pengajaran dilakukan secara atas talian sepenuhnya. Keadaan ini menjelaskan suatu pengalaman baru dalam pendidikan di mana pengajian atas talian telah diwajibkan kepada semua mahasiswa di pelbagai peringkat seluruh dunia pada era pandemik COVID-19 (Vijay, 2020). Suasana pembelajaran baru ini menuntut kesediaan pensyarah dan mahasiswa serta kerjasama daripada pihak universiti dan kementerian bagi memastikan ianya dapat berlangsung dengan efisien. Usaha ke arah pembelajaran baru ini sebenarnya juga dapat mempercepatkan langkah pendidikan negara bagi mencapai matlamat penggunaan teknologi maklumat dan transformasi penyampaian proses PnP seperti yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi (PPPM PT) 2015-2025. Selain daripada dapat mengawal pandemik, pengajian atas talian terbukti mempunyai pelbagai kelebihan terutamanya dari aspek fleksibiliti masa dan tempat. Bahkan pengajian atas talian dapat mencapai hasil pembelajaran yang sama dengan pembelajaran bersemuka (Szeto, 2014). Mahasiswa juga mempunyai persepsi yang positif tentang pengajian atas talian dan percaya pengajian atas talian dapat meningkatkan prestasi akademik mereka (Mohamed Azmi, Zeehan, Fahad, Maryam, & Hisham, 2012).

Namun begitu, terdapat beberapa isu dalam pengajian atas talian terutamanya pada aspek kesediaan mahasiswa, pengajar dan prasarana. Manakala dalam bidang Pengajian Islam terutamanya dalam pengajian al-Quran, kaedah tradisi yang perlu dipelihara adalah kaedah *talaqqī mushāfahah* yang mana menekankan hubungan guru dengan murid secara bersemuka. Ini bermakna dalam sistem Pengajian Islam, pendidikan bukanlah proses pemindahan ilmu kepada mahasiswa semata-mata tetapi proses mendidik jiwa, adab dan nilai yang mana diperolehi hasil daripada pertemuan fizikal dengan guru. Jesturu, penulisan ini merupakan sebuah kajian awal terhadap mahasiswa Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) tentang pelaksanaan pembelajaran atas talian. Ini kerana penyelidikan tentang pengajian atas talian perlu dirancakkan dan dilanjutkan kerana ia menjadi satu keperluan

pada era pandemik (Ali, 2020). Kajian tentang pengajian atas talian juga perlu diperincikan mengikut demografi dan bidang pengajian kerana kesediaan mahasiswa terhadap pengajian atas talian dipengaruhi oleh faktor-faktor tersebut (Adams, Sumintono, Mohamed, Syafika, & Noor, 2018).

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian penyelidikan kuantitatif secara tinjauan dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A meliputi semester pengajian, peringkat pengajian dan jabatan. Bahagian B meliputi pelaksanaan pembelajaran atas talian. Manakala pada bahagian C adalah soalan terbuka mengenai komen dan cadangan tentang pembelajaran atas talian. Bagi mengukur pandangan mahasiswa mengenai pembelajaran atas talian, kajian menggunakan *Skala Likert* bermula daripada skala 1 (sangat tidak setuju) sehingga 5 (sangat setuju) bagi setiap item. Kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak. Responden adalah terdiri daripada 191 orang mahasiswa yang mengikuti program Pengajian Islam di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Data-data yang dikumpul dianalisis dan akan diberikan interpretasi mengikut nilai min seperti yang terdapat pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi skor min

Nilai Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

2. Dapatan

2.1 Demografi

Jadual 2: Semester pengajian responden

Semester	Kekerapan (f)	Peratus (%)
1	70	40.3
2	30	15.7
3	21	11
4	14	7.3
5	15	7.9
6	20	10.5
7	5	2.6
8	7	3.7
8 >	2	1
Total	191	100

Jadual 3: Peringkat Pengajian Responden

Peringkat Pengajian	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Diploma	108	56.5
Ijazah Sarjana Muda	83	43.5
Sarjana	0	0
PHD	0	0
Total	191	100

Jadual 4: Jabatan Program Pengajian Responden

Jabatan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Al-Quran dan al-Sunnah	86	45
Tahfiz al-Quran dan al-Qiraati	50	26.2
Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab	10	5.2
Dakwah dan Usuluddin	45	23.6
Total	191	100

Berdasarkan kepada jadual 2, majoriti responden adalah terdiri daripada mahasiswa semester 1 iaitu seramai 70 (40.3%) orang mahasiswa. Bilangan ini diikuti oleh mahasiswa semester 2 dengan 30 (15.7%) orang mahasiswa, mahasiswa semester 3 dengan bilangan 21 (11%) orang, mahasiswa semester 6 dengan bilangan 20 (10.5%) orang mahasiswa, mahasiswa semester 5 dengan bilangan 15 (7.9%) orang, mahasiswa semester dengan bilangan 14 (7.3%) orang dan mahasiswa semester 5 dengan bilangan 7 (3.7%) orang. Manakala mahasiswa semester 8 dan lebih daripada semester 8 hanya diwakili oleh 7 (3.7%) dan 2 (1%) orang sahaja. Jadual 3 pula menunjukkan peringkat pengajian mahasiswa. Majoriti responden terdiri daripada mahasiswa yang sedang mengikuti program peringkat diploma iaitu seramai 108 orang bersamaan dengan 56.5% daripada jumlah keseluruhan responden. Baki responden seramai 83 orang pula adalah mahasiswa yang sedang mengikuti program ijazah sarjana muda iaitu seramai 83 orang bersamaan dengan 43.5%. Jadual 4 menunjukkan kekerapan jabatan responden dan peratusannya. Majoriti responden adalah daripada jabatan al-Quran dan al-Sunnah iaitu seramai 86 orang bersamaan dengan 45% daripada peratusan keseluruhan responden. Baki responden adalah daripada jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat iaitu seramai 50 (26.2%), jabatan Dakwah dan Usuluddin seramai 45 (23.6%) orang dan Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab seramai 10 (5.2%) orang sahaja.

2.2 *Perlaksanaan Pembelajaran Atas Talian*

Jadual 5 menunjukkan persepsi mahasiswa tentang pelaksanaan pembelajaran atas talian. Secara keseluruhan, persepsi mahasiswa tentang pembelajaran atas talian adalah sederhana dengan nilai min 2.83. Item 1 *Saya seronok belajar secara atas talian* mendapat skor yang paling tinggi dengan nilai skor min 3.12. Item 2 *Saya kurang faham kandungan subjek yang diajarkan secara atas talian* mendapat skor min 2.82. Kebanyakan responden dalam kedua-dua item ini menanda kurang pasti (skala 3) dengan bilangan seramai 99 orang pada item 1 dan 79 orang pada item 2. Item 3 *Kemudahan dan peralatan bagi kegunaan pengajian atas talian di rumah saya adalah mencukupi (spt: komputer, telefon bimbit, capaian internet dan lain-lain)* juga menunjukkan nilai skor min yang sederhana iaitu 2.70. Item 4 telah mencatatkan nilai skor min yang sama dengan item 3 iaitu 2.70 tentang *pensyarah telah membantu saya untuk memahami sesuatu subjek yang diajarkan secara atas talian*. Bagi item ini juga kebanyakan mahasiswa telah menandakan skala 3 iaitu tidak pasti dengan bilangan 72 orang.

Jadual 5: Pembelajaran Atas Talian Menurut Mahasiswa Program Pengajian Islam di KUIS

Bil	Item	STS		TS		TP		S		SS		Min	SP
		K	P	K	P	K	P	K	P	K	P		
1.	Saya seronok belajar secara atas talian	18	9.4	19	9.9	99	51.8	33	17.3	22	11.5	3.12	1.050
2.	Saya kurang faham kandungan subjek yang diajarkan secara atas talian.	12	6.3	32	16.8	79	41.4	46	24.1	22	11.5	2.82	1.046
3.	Kemudahan dan peralatan bagi kegunaan pengajian atas talian dirumah saya adalah mencukupi (spt: komputer, telefon bimbit, capaian internet dan lain-lain.	52	27.2	41	21.5	36	18.8	36	18.8	26	13.6	2.70	1.399
4.	Pensyarah telah membantu saya untuk memahami sesuatu subjek yang diajarkan secara atas talian.	29	15.2	50	26.2	72	37.7	30	15.7	10	5.2	2.70	1.072
Keseluruhan												2.83	1.142

2.3 Komen dan Cadangan Mengenai Pembelajaran Atas Talian

Pada bahagian C, responden diberikan ruang untuk memberikan komen dan cadangan tentang pelaksanaan pengajian atas talian. Mahasiswa telah mencadangkan kepada pensyarah agar dapat menyampaikan penerangan sesuatu subjek yang diajarkan dengan jelas. Bahan-bahan bantu ini juga boleh dikongsikan lebih awal. Ini kerana kelas secara atas talian sangat bergantung kepada alat bantu dan tidak seperti kelas secara fizikal yang bergantung kepada kuliah di dalam kelas bersama tenaga pengajar. Semua nota dan buku teks boleh dikumpulkan pada ruang simpanan atas talian yang mudah dicapai oleh mahasiswa. Slide yang interaktif dan mempunyai isi-isi penting juga boleh disediakan untuk membantu mahasiswa untuk memahami subjek. Oleh yang demikian, pensyarah perlu melakukan persiapan yang lebih awal terutama dari aspek persediaan alat bantu mengajar seperti slaid *power point*, video pengajaran dan termasuk kemudahan buku teks dalam format pdf. Selain itu mahasiswa juga mencadangkan agar kuliah dan rakaman *Googlemeet* dapat dikongsikan di *Youtube* supaya mudah untuk dicapai dan boleh diakses pada bila-bila masa.

Selain itu, pensyarah disarankan agar dapat memberikan jadual atau rancangan pembelajaran sepanjang semester (14 minggu) kepada mahasiswa bagi memudahkan perancangan masa. Ini termasuk memberikan tugaskan kerja kursus lebih awal bagi memberikan mahasiswa waktu yang mencukupi dalam menyiapkan setiap tugas. Mahasiswa juga mencadangkan agar kaedah penilaian kelas dan perancangannya dapat diberikan pada kelas yang pertama secara pertemuan atas talian. Perancangan rapi dapat mengelakkan daripada sesuatu subjek dijalankan secara tergesa-gesa dan tidak mengikut masa. Bahkan mahasiswa juga bersedia untuk menerima kelas tambahan bagi memastikan setiap subjek atau kursus dapat difahami sepenuhnya.

Terdapat juga dalam kalangan mahasiswa yang lebih selesa dengan kaedah pertemuan langsung atas talian berbanding dengan pembelajaran melalui perkongsian bahan-bahan seperti nota dan video kerana kaedah seperti ini dapat menggalakkan komunikasi dua hala walaupun kaedah ini menggunakan data internet yang banyak. Kaedah pertemuan langsung ini kebiasaannya dilakukan melalui platform seperti *Goolemeet*, *Webex*, *Skype*, *Zoom Meeting*, *Microsoft team* dan lain-lain. Namun demikian sebaliknya, terdapat juga mahasiswa mencadangkan agar kekerapan dan tempoh pelaksanaan kuliah secara langsung di atas talian melalui pelbagai *platform* terutamanya *Googlemeet* dapat dikurangkan kerana isu data internet.

Mahasiswa juga banyak memberikan komen tentang aspek pembangunan kemudahan dan fasiliti bagi pembelajaran atas talian. Mahasiswa menyarankan agar disediakan kemudahan rangkaian internet kepada golongan yang tidak berkemampuan dan mereka yang tinggal di kawasan yang mempunyai masalah rangkaian internet. Bantuan tersebut juga boleh diberikan dalam bentuk bantuan keewangan kerana terdapat dalam kalangan mahasiswa yang mempunyai masalah keewangan dan tidak dapat membayar perkhidmatan internet. Selain itu, bantuan keewangan juga dapat meringankan beban pelajar susah untuk membeli peralatan seperti komputer riba. Ini adalah kerana capaian internet dan komputer riba adalah alat penting untuk memastikan pembelajaran atas talian. Oleh kerana masalah fasiliti tersebut, terdapat banyak cadangan daripada mahasiswa untuk pulang ke kampus terutama mahasiswa senior yang berada pada

tahun 3 dan ke atas. Ini kerana di kampus terdapat kemudahan capaian internet dan mempunyai suasana pembelajaran yang kondusif. Suasana yang kondusif juga penting bagi pelajar program Tahfiz al-Quran untuk melakukan hafalan al-Quran dan memeliharanya. Selain daripada itu, terdapat dalam kalangan mahasiswa yang kurang selesa dengan *platform* pembelajaran atas talian seperti KLMS kerana kurang mesra pengguna. Sebaliknya, mahasiswa lebih selesa untuk menggunakan platform lain seperti *Google Classroom*, *Whatsapp*, atau *Telegram*.

Selain daripada cadangan di atas, terdapat juga dalam kalangan mahasiswa yang tidak mahu keluar daripada zon selesa pembelajaran secara bersemuka kerana menurut mereka kaedah ini adalah lebih berkesan berbanding pembelajaran secara atas talian. Kaedah pembelajaran secara bersemuka akan dapat memberikan kefahaman kepada mahasiswa bagi sesuatu tajuk yang dibincangkan. Oleh yang demikian, mahasiswa mencadangkan agar pengurusan universiti untuk mencari kaedah bagaimana untuk memastikan pembelajaran secara bersemuka dalam tempoh pandemik dapat dijalankan dan bukan mencari kaedah yang sesuai dalam pembelajaran secara atas talian. Terdapat juga dalam kalangan mahasiswa yang mengambil jurusan tahfiz al-Quran yang memerlukan kaedah pembelajaran secara bersemuka kerana kaedah bersemuka adalah kaedah yang paling sesuai untuk mempelajari pembacaan dan penghafalan al-Quran.

3. Perbincangan

Berdasarkan demografi, majoriti responden adalah terdiri daripada mahasiswa semester satu. Mereka adalah kumpulan mahasiswa baru yang terlibat dalam pembelajaran secara atas talian. Manakala kumpulan mahasiswa senior pula diwakili oleh bilangan mahasiswa yang kecil kerana kebanyakan mahasiswa tidak terlibat dengan pengajian atas talian. Majoriti mahasiswa semester akhir sedang menyiapkan penulisan ilmiah dan juga menjalani latihan industri. Begitu juga bagi kumpulan mahasiswa peringkat pasca siswazah yang tidak terlibat secara langsung dengan pembelajaran atas talian. Oleh itu, majoriti responden adalah kumpulan mahasiswa peringkat pengajian diploma dan sarjana muda sahaja. Manakala taburan mahasiswa mengikut jabatan juga sesuai dengan populasi mahasiswa program pengajian Islam di KUIS iaitu majoriti mahasiswa adalah daripada mahasiswa jabatan al-Quran dan Sunnah dan sebaliknya jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab pula merupakan jabatan yang mempunyai bilangan mahasiswa yang paling sedikit jika dibandingkan dengan jabatan-jabatan yang lain.

Item 1 *Saya seronok belajar secara atas talian* mendapat skor yang paling tinggi dengan nilai skor min 3.12. Skor min ini adalah sederhana dengan majoriti daripada responden iaitu seramai 79 orang menandakan skala 3 iaitu tidak pasti sama ada seronok atau tidak dengan kaedah pembelajaran atas talian. Mahasiswa masih dalam proses penyesuaian dengan pembelajaran secara atas talian. Ini kerana mahasiswa semasa adalah generasi z yang bersedia dengan perubahan dan mempunyai kemahiran tinggi dalam penggunaan alat-alat digital. Oleh itu, kumpulan mahasiswa generasi z sudah tentu tidak mempunyai masalah yang besar dalam mengadaptasi kaedah pembelajaran secara atas talian. Kajian lepas juga mendapati mahasiswa terbuka dan bersedia untuk melalui pengajian atas talian (Al-Rahmi et al., 2018). Selain itu, tindak balas mahasiswa terhadap pengajian atas talian adalah baik (Krish & Wong, 2009).

Skor min bagi item kedua adalah sederhana dan terdapat 79 orang responden yang menandakan skala 3 iaitu tidak pasti sama ada mereka lebih mudah atau tidak dengan kaedah pembelajaran yang baru. Ini menunjukkan pada perspektif mahasiswa, mereka masih lagi proses menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran secara atas talian. Oleh yang demikian, mahasiswa memberikan respon tidak pasti bagi item 1 dan item 2. Mahasiswa juga masih mempunyai stigma terhadap keberkesanan bagi pengajian atas talian dan bagi mereka, pengajaran dan pembelajaran hanya dapat berlaku melalui pertemuan bersemuka. Sikap tersebut juga berlaku dalam kalangan staf akademik yang skeptikal terhadap e-Pembelajaran dan memberikan konotasi negatif terhadap pengajian atas talian (Embi, 2010). Oleh itu, mahasiswa dan pengajar lebih selesa dengan kaedah tradisional (pembelajaran bersemuka) kerana memberikan mereka lebih kefahaman tentang apa yang diajar (Vijay, 2020). Apatah lagi, Bali & Liu (2018) juga telah mendapati bahawa persepsi mahasiswa tentang pembelajaran bersemuka lebih tinggi berbanding dengan pengajian atas talian dalam aspek kehadiran sosial, interaksi sosial, dan kepuasan. Selain daripada itu, norma pengajaran di Malaysia yang mementingkan hubungan baik antara mahasiswa dan pensyarah dan kurang kecenderungan ke arah pengajaran yang tiada komunikasi bersemuka (Ahmad Zaki et al., 2009).

Selain itu, kebergantungan mahasiswa kepada teknologi juga menyebabkan mahasiswa terpisah daripada dunia yang sebenar ("Strengths and Weaknesses of Education 4.0 in the Higher Education Institution," 2019). Ini kerana pendidikan dalam kelas perlu disusuli dengan aspek praktikal atau amali dalam situasi sebenar. Sebagai contoh mahasiswa yang dalam bidang pengajian dakwah perlu turun ke lapangan untuk melihat realiti sebenar medan dakwah selepas mempelajarinya di dalam kelas. Suasana di lapangan menuntut mahasiswa untuk membuat pertimbangan dari aspek keutamaan berdasarkan kepada apa yang telah dipelajari di dalam kelas. Oleh itu, salah satu daripada ilmu penting dalam apa-apa bidang termasuk juga bidang pengajian Islam ialah pengalaman melalui kerja-kerja lapangan.

Manakala dalam bidang Pengajian Islam terutamanya dalam mempelajari al-Quran mengutamakan kaedah *talaqqī mushāfahah* yang mana melihat kepentingan hubungan langsung guru dengan murid dalam pelbagai aspek secara bersemuka. Kaedah *talaqqī mushāfahah* juga sangat penting dalam pengajian bidang al-Quran (baca dan hafal) (Ismail, Tamuri, & Hassan, 2019). *Talaqqī mushāfahah* merupakan kaedah tradisi yang terbukti berkesan menyampaikan sebarang sebutan dengan tepat dan dianggap satu-satunya cara yang boleh digunakan untuk mempelajari al-Quran (Muhamad, Hashim, Abdullah, Kamarul Zaman, & Zamri, 2019; Muhamad et al., 2019). Selain itu, kaedah *talaqqī* juga dapat memelihara sanad ilmu yang mana sangat penting dalam Pengajian Islam (Syed Shamsuddin, 2018). Malahan dalam pengajian Quran, pemeliharaan sanad merupakan salah satu daripada rukun bacaan al-Quran (Zainal Abidin, Omar, & Yusof, 2019). Kepentingan pengajian *talaqqī* dalam bidang Pengajian Islam dapat dilihat apabila kaedah ini digunakan di institusi pengajian tinggi seperti di Universiti Sains Islam Malaysia bagi mempelajari kitab turath jawi dalam kalangan mahasiswa jurusan syariah (Syed Shamsuddin, 2018). Oleh kerana itu, dalam era pengajian atas talian, mahasiswa dan tenaga pengajar perlu memahami konsep sebenar dan kepentingan *talaqqī mushāfahah* serta kaedah pelaksanaannya (Zainal Abidin et al., 2019).

Menurut mahasiswa kemudahan dan peralatan bagi persediaan pengajian atas talian adalah sederhana. Ini merupakan antara isu yang sentiasa menjadi faktor kepada kegagalan kaedah pembelajaran atas talian. Jika kemudahan fasiliti seperti capaian internet, telefon bimbit dan komputer tidak dapat diselesaikan, pembelajaran mahasiswa akan terganggu. Dalam pengajian atas talian, persediaan terpenting adalah persediaan prasarana (Mohamed Amin Embi., 2010). Antara isu utama yang sering dihadapi oleh mahasiswa ialah persediaan sumber liputan dan kemudahan internet atau wifi (Zulkifli, Hamzah, & Razak, 2020). Sumber liputan internet menjadi halangan utama dalam proses pembelajaran atas talian walaupun mahasiswa memberikan komitmen dan bermotivasi untuk mengikuti pengajian atas talian (Zulkifli et al., 2020) (Salim, Abdullah, Ali, & Ali, 2018). Isu kemudahan bagi pengajaran atas talian ini kemungkinan menjadikan mahasiswa tidak dapat mengikuti pengajian atas talian dengan sempurna dan menyebabkan mereka memberikan maklum balas tidak pasti mengenai pengajian atas talian pada item 1 dan item 2. Dalam konteks Pengajian Islam pula, terdapat pengajian yang memerlukan perjalanan pengajaran secara serentak di mana mahasiswa dan pensyarah akan bertemu secara atas talian yang bergantung kepada kestabilan internet. Tanpa kestabilan capaian internet, sesi pengajian atas talian akan terjejas. Selain daripada kestabilan capaian internet, mahasiswa juga berhadapan dengan cabaran untuk mendapatkan telefon bimbit bagi pelaksanaan pengajian atas talian (Ahmad Zaki et al., 2009). Semua persediaan pada aspek prasarana ini perlu dipastikan oleh mahasiswa, pensyarah dan universiti bagi kelancaran pengajian atas talian.

Mahasiswa juga mendapati usaha pensyarah masih lagi berada tahap sederhana dalam usaha untuk membantu mereka memahami sesuatu subjek yang diajarkan secara atas talian. Pensyarah mempunyai peranan dalam mengurus dan menggunakan teknologi dalam pelaksanaan pengajian atas talian. Embi (2010) menyatakan bahawa cabaran utama dihadapi oleh kebanyakan IPT dalam pengajian atas talian adalah staf pengajar berpada dengan kaedah pengajaran sedia ada, staf kurang mahir dalam penggunaan IT, staf pengajar terlalu sibuk dengan penyelidikan dan penerbitan dan staf terbeban dengan masa pengajaran yang berat. Pengajian atas talian juga telah memberikan cabaran kepada staf akademik untuk menguasai teknologi dalam keadaan mempunyai bebanan kerja akademik (Gillett-Swan, 2017). Oleh yang demikian, selain daripada isu berkaitan kemahiran teknologi dalam kalangan pensyarah, terdapat juga isu yang disebabkan oleh bebanan kerja yang berat bagi pensyarah sama ada dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan kelas pengajaran. Ini kerana dalam pengajian atas talian, pensyarah perlu menyediakan bahan dan keadah penilaian terhadap mahasiswa dalam bentuk yang berbeza (Ahmad Zaki, Hanafi, & Abd Wahab, 2009). Oleh itu, isu-isu ini hendaklah diberikan perhatian sewajarnya agar pengajian atas talian dalam berjalan dengan efektif. Bahkan, untuk mendapatkan pengajian atas talian yang efisien terutama semasa COVID-19 kesediaan pensyarah adalah penting dalam mengintegrasikan pendidikan dengan ICT (Ali, 2020). Pensyarah perlu mempertingkatkan usaha dalam menguasai multimedia dan mempelbagaikan usaha dalam pembelajaran norma baru secara atas talian.

4. Kesimpulan

Secara keseluruhan, mahasiswa Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor berpandangan bahawa pelaksanaan kaedah pembelajaran atas talian adalah sederhana dengan skor min 2.83 ($sp=1.142$). Dapatan tersebut menjelaskan bahawa terdapat beberapa perkara yang boleh ditambah baik agar pengajian atas talian dapat mencapai hasil pembelajaran yang terkandung dalam setiap kursus yang diajarkan kepada pelajar. Usaha untuk memastikan pembelajaran atas talian dapat berjalannya dengan efektif juga hendaklah digembleng bersama iaitu antara pensyarah, mahasiswa, universiti dan kerajaan. Mereka yang terlibat di dalam pendidikan terutamanya pensyarah hendaklah sentiasa mempersiapkan diri dengan kemahiran baru sesuai dengan perkembangan teknologi pendidikan. Ini kerana keadah pengajian atas talian telah menjadi kaedah pendidikan arus perdana berikutan penyebaran COVID-19. Malahan, pengajian pada masa hadapan termasuk dalam bidang Pengajian Islam akan memperlihatkan pembelajaran atas talian akan terus berjalan manakala kaedah tradisi dan kelas secara bersemuka akan dikurangkan. Oleh itu, kaedah pembelajaran baharu ini seharusnya dilihat sebagai peluang untuk inovasi dan kerjasama.

Rujukan

- Abd. Rahim, S. I., Yakob, M. A., & Mohd Ali, A. S. (2015). Pedagogi Talaqqi dalam Pendidikan Islam di Pondok. *Global Summit on Education GSE 2015*, (March 2015), 771–776. Kuala Lumpur.
- Adams, D., Sumintono, B., Mohamed, A., Syafika, N., & Noor, M. (2018). E-Learning Readiness Among Students Of Diverse Backgrounds In A Leading Malaysian Higher Education Institution 1. In *Malaysian Journal of Learning and Instruction* (Vol. 15).
- Ahmad Zaki, N. A., Hanafi, H. F., & Abd Wahab, M. H. (2009). M-Learning: Isu dan Cabaran Penggunaan di UPSI. *FKEE Compilation Paper 2009*, 283–291.
- Al-Rahmi, W. M., Alias, N., Othman, M. S., Alzahrani, A. I., Alfarraj, O., Saged, A. A., & Rahman, N. S. A. (2018). Use of E-Learning by University Students in Malaysian Higher Educational Institutions: A Case in Universiti Teknologi Malaysia. *IEEE Access*, 6, 14268–14276. <https://doi.org/10.1109/ACCESS.2018.2802325>
- Ali, W. (2020). Online and Remote Learning in Higher Education Institutes: A Necessity in light of COVID-19 Pandemic. *Higher Education Studies*, 10(3), 16. <https://doi.org/10.5539/hes.v10n3p16>
- Bali, S., & Liu, M. C. (2018). Students' perceptions toward online learning and face-to-face learning courses. *Journal of Physics: Conference Series*, 1108(1). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1108/1/012094>
- Bao, W. (2020). COVID -19 and online teaching in higher education: A case study of Peking University . *Human Behavior and Emerging Technologies*, 2(2), 113–115. <https://doi.org/10.1002/hbe2.191>
- Eizan Azira, M. S. (2019). E-Talaqqi: an Analysis of Technology Acceptance Model 3 (TAM 3) on the Understanding of Digital Quran Usage and Implications Among Senior Citizens in Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(16), 66–81.
- Gillett-Swan, J. (2017). The Challenges of Online Learning: Supporting and Engaging the Isolated Learner. *Journal of Learning Design*, 10(1), 20. <https://doi.org/10.5204/jld.v9i3.293>

- Ismail, A., Tamuri, A. H., & Hassan, N. H. (2019). Pelaksanaan Amalan Talaqqi dan Mushafahah dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 41(1), 93–98.
- Krish, P., & Wong, B. E. (2009). Malaysian learners and their perceptions towards online english language courses. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 10(2), 203–224. <https://doi.org/10.17718/tojde.57658>
- Mohamed Amin Embi. (2010). *Amalan, keberkesanan & cabaran pelaksanaan e-pembelajaran di IPT Malaysia*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Mohamed Azmi, H., Zeehan, S. I., Fahad, S., Maryam, F., & Hisham, A. (2012). Assessment of students' perceptions towards e-learning management system (e-LMS) in a malaysian pharmacy school: A descriptive study. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 12(1), 14–20.
- Mohammad, N. M. N., Mamat, M. N., & Isa, P. M. (2012). M-learning in Malaysia: Challenges and Strategies. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 67, 393–401. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.343>
- Muhamad, N., Hashim, A., Abdullah, W. H., Kamarul Zaman, M. A., & Zamri, F. A. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini Sabk Di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 273–283. <https://doi.org/10.35631/ijepc.4320025>
- Nortvig, A. M., Petersen, A. K., & Balle, S. H. (2018). A Literature Review of The Factors Influencing e-Learning and Blended Learning in Relation to Learning Outcome, Student Satisfaction and Engagement. *Electronic Journal of E-Learning*, 16(1), 45–55.
- Salim, K. R., Abdullah, M., Ali, L., & Ali, R. (2018). Usage of Online Learning Resources among Academic Staff at a Malaysian University. In *International Journal of Engineering & Technology* (Vol. 7).
- Strengths and Weaknesses of Education 4.0 in the Higher Education Institution. (2019). *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*, 9(2S3), 511–519. <https://doi.org/10.35940/ijitee.b1122.1292s319>
- Sun, A., & Chen, X. (2016). Online education and its effective practice: A research review. *Journal of Information Technology Education: Research*, 15(2016), 157–190. <https://doi.org/10.28945/3502>
- Syed Shamsuddin, S. S. (2018). Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia. *Sains Insani*, 3(1), 27–37.
- Szeto, E. (2014). A Comparison of Online/Face-to-face Students' and Instructor's Experiences: Examining Blended Synchronous Learning Effects. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 116, 4250–4254. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.01.926>
- Vijay, R. (2020). Comparative evaluation of COVID-19 pandemic enforced online teaching versus traditional teaching from point of view of medical students. *International Journal of Basic & Clinical Pharmacology*, 10(1), 36. <https://doi.org/10.18203/2319-2003.ijbcp20205535>
- Zainal Abidin, N. H., Omar, N., & Yusof, N. H. (2019). Konsep Dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembelajaran Al-Quran. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 3(1), 27–35.

Zulkifli, N., Hamzah, I., & Razak, K. A. (2020). Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. In *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education* (Vol. 10). Retrieved from <http://jpt.mohe.gov.my>